

29/03/2004

Era baru politik kepartian di Sabah

Lichong Angkui

AKHIRNYA sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah sampai ke garisan penamat kelmarin, genap 10 tahun ia diperkenalkan untuk mententeramkan politik Sabah yang sentiasa panas sebelum itu.

Pengumuman pemansuhan sistem itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Kuala Lumpur selepas mendapat persetujuan bertulis daripada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah untuk menamatkan sistem berkenaan.

Tentunya kelmarin menjadi satu lagi tarikh bersejarah dalam kalender politik Sabah apabila sistem itu berakhir dengan kepemimpinan negeri diterajui parti dominan, Umno.

Diperkenalkan sejak 1994, sistem itu menyaksikan peralihan penyandang jawatan Ketua Menteri setiap dua tahun kepada pemimpin tiga kelompok masyarakat utama - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - sesuatu yang tidak pernah difikirkan dulu.

Sepanjang 10 tahun lalu, sememangnya pelbagai komen dan istilah kedengaran disebut untuk merujuk sistem itu. Pelbagai kalangan rata-rata menganggapnya tidak praktikal dan menjejaskan kelancaran pembangunan selain bercanggah dengan perlembagaan negeri.

Sejak awal, pelbagai pihak termasuk pertubuhan politik kedengaran begitu vokal menentang sistem itu. Tetapi ia tetap diteruskan atas prinsip untuk memastikan kestabilan politik berkekalan.

Justeru, apabila Abdullah mengumumkan kelmarin bahawa sistem itu ditamatkan, sepantas itu juga reaksi positif mengalu-alukannya kedengaran bergema di sana-sini di seluruh pelosok negeri Sabah.

Rata-raya pendapat umum memuji tindakan itu dan menyifatkannya sebagai keputusan yang amat wajar dan berteepatan pada masanya, yakni selepas BN membentuk semula kerajaan negeri dengan pencapaian gemilang pada pilihan raya yang baru berakhir Ahad lalu.

Bagi mereka, pemansuhan sistem itu bermakna ia memberi ruang baru yang cukup luas kepada pimpinan negeri melaksanakan agenda pembangunan tanpa tersekat-sekat akibat proses peralihan kuasa.

Lebih penting, ia menghapuskan amalan politik yang tidak sihat setiap kali menjelang proses peralihan kuasa Ketua Menteri.

Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Musa Aman, menyifatkan pemansuhan sistem itu sebagai wajar kerana membolehkannya menumpukan perhatian kepada usaha membangunkan negeri secara lebih berkesan mengikut wawasan jangka panjang.

Sistem unik itu diumumkan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada majlis pemimpin bersama rakyat di Beaufort, ketika kempen bagi pilihan raya negeri 1994.

Selepas BN berjaya membentuk kepemimpinan kerajaan negeri selepas pilihan raya itu, ia terus dipraktikkan.

Matlamat asalnya ialah memberi peluang kepada pemimpin dari tiga kelompok masyarakat utama untuk bergilir menerajui kerajaan negeri dengan masing-masing diberi tempoh dua tahun.

Sistem itu bagaimana diubah suai dua tahun lalu dengan pemimpin Umno diberikan tempoh dua penggal bagi setiap penggiliran berbanding hanya satu penggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Musa yang mengambil alih daripada Datuk Chong Kah Kiat, adalah Ketua Menteri ketujuh dilantik menerusi sistem itu.

Selain Umno sebagai tunjang utama, BN Sabah dianggotai Parti Bersatu

Sabah (PBS) sebagai parti kedua terbesar, Pertubuhan Pasokmomoogum Kadazandusun Bersatu (Upko), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Liberal Demokratik (LDP), MIC, MCA dan Gerakan.

Dalam pada itu, kerabat BN Sabah sependapat sistem lebih banyak mengundang masalah berbanding kebaikan dalam erti kata sebenar walaupun dari satu aspek, ia turut berkesan menstabilkan politik.

Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, mengakui partinya memang sejak dulu menjadi penentang utama sistem itu kerana berpendapat ia bertentangan dengan Perlembagaan negeri.

Sambil mengalu-alukan pemansuhan sistem itu, beliau berkata, pelbagai istilah kedengaran sepanjang ia dilaksanakan.

Pemerhati politik tempatan juga berpendapat pemansuhan itu bakal membawa manfaat besar kepada rakyat negeri ini, sekali gus mencorakkan satu era baru sistem politik kepartian di Sabah.

Ini kerana rakyat dan ahli politik peringkat akar umbi tidak lagi sibuk dan membuang masa bercakap soal politik di kedai kopi setiap kali menjelang peralihan kuasa, sebaliknya sama-sama menggembelng tenaga membantu kepemimpinan negeri.

Dengan demikian projek pembangunan berjalan lancar, agenda dan hala tuju kerajaan dapat dicapai sebagaimana yang diharapkan.

Sejak sistem itu dipraktikkan, pelbagai suara sinis kedengaran. Ada yang lantang mahukan ia dihapus segera kerana banyak kelemahan sehingga menyebabkan ketidaktentuan dan ketempangan dalam politik Sabah.

Malah Dr Mahathir mengakui sistem itu mewujudkan ketua menteri 'itik tempang' kerana perubahan kepemimpinan setiap dua tahun boleh menyebabkan kerajaan yang kurang berkesan.

Pengkritik politik tempatan pula menyamakan sistem itu umpama permainan merry-go-round yang telah mencipta hak untuk dituntut oleh masyarakat Bumiputera bukan Islam dan Cina, sesuatu yang tidak pernah berbangkit sebelum ini, justeru ia tidak boleh dibiarkan berterusan.

Dalam konteks politik Sabah, sistem itu tidak penting kerana yang penting adalah amalan pada prinsip perkongsian kuasa.

Menyedari hakikat itulah, Musa yang membentuk Kabinet negeri yang baru kelmarin telah memasukkan unsur perkongsian bijak di kalangan semua parti komponen dan ternyata ia diterima baik.

Sabah sememangnya memerlukan formula politik yang jelas menggambarkan ketelusan dan perkongsian sebenar supaya ia dapat melangkah seiring arus perdana politik dan pembangunan negara.

Selagi formula itu tidak ditemui maka selagi itulah politik Sabah akan terus kelam-kabut, terumbang-ambing dan menjadi bahan ketawa.

Pendekatan dan formula perkongsian yang digunakan oleh Musa ketika membentuk Kabinetnya kelmarin, turut mengambil kira persekitaran politik negeri yang semakin teguh hari ini selepas kemasukan semula PBS dalam gabungan besar BN dua tahun lalu.

Jelas terpancar semangat perkongsian dalam barisan Kabinet baru Musa. Perwakilan bagi ketiga-tiga kelompok masyarakat utama sudah tergambar dalam komposisi kepemimpinan kerajaan negeri.